



AMANAT

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HAJI HASSAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT YB MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)
BERSAMA WARGA KLUSTER KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**

30 JUN 2020 (SELASA)

DEWAN SAKSAMA, ARAS 2, BHEUU

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih saudara/saudari pengerusi majlis.

**Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera.**

Yang Berhormat Dato' Eddin Syazlee bin Shith

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-
Undang)

Yang Berbahagia Datuk/Dato'/Tuan/Puan Ketua-Ketua Jabatan di
bawah Kluster Kehakiman dan Perundangan serta semua hadirin yang
dimuliakan.

Mukadimah

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas keizinan-Nya jua kita semua dapat bersama berkumpul pada program amanat saya yang julung kalinya diadakan pada pagi ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan dan

ribuan terima kasih di atas kehadiran semua Ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian warga jabatan/agensi bawah Kluster Kehakiman dan Perundangan sebagai tanda komitmen serta penglibatan dalam menjayakan majlis ini.

2. Kita sudah pun berada di pertengahan tahun 2020, di mana hampir empat bulan kita berada di fasa getir mengharungi cabaran wabak Covid-19. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKP P) bermula pada 10 Jun 2020 sehingga 31 Ogos 2020 seperti yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, adalah bererti kita memasuki fasa pemulihan daripada wabak Covid-19 dan syukur Alhamdulillah negara kita kini hampir berjaya menangani wabak ini daripada terus menular dan bersama-samalah kita berdoa agar wabak ini terus hilang di negara kita dan di dunia.

3. Tidak dinafikan bahawa wabak Covid-19 ini telah menjejaskan banyak sektor pekerjaan dan ekonomi di banyak negara termasuk di Malaysia. Sungguhpun negara kita belum pulih sepenuhnya daripada wabak ini, namun ianya bukanlah satu alasan atau halangan yang boleh menjejaskan produktiviti kerja kita semua. Di awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pada 18 Mac 2020, kita telah

disaran bekerja dari rumah dan segala urusan di buat melalui internet dan secara pendigitalan.

4. Saya melihat disebalik itu ada juga hikmahnya apabila kita mula berubah kepada membudayakan teknologi maklumat dalam tugas kita seperti mengadakan mesyuarat secara langsung melalui sidang video atau *video conferencing*, menggunakan kaedah *e-mel* bagi menggantikan penghantaran surat/memo untuk perkara-perkara penting misalnya menggunakan kemudahan aplikasi semasa seperti *WhatsApp*, *Facebook*, *Telegram*, *Zoom* dan lain-lain lagi saluran media sosial. Pada umumnya saya melihat sama ada penjawat awam mahupun kakitangan swasta atau mereka yang berkerja sendiri sudahpun terbiasa dengan norma baharu ini dalam usaha memutuskan rangkaian wabak Covid-19.

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sekalian,

Rang Undang-Undang Pelaksanaan Langkah Sementara Bagi Mengurangkan Kesan COVID-19

5. Rang Undang-Undang Pelaksanaan Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Covid-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan digubal sebagai komitmen Kerajaan untuk meminimumkan impak penularan wabak COVID-19 yang telah memberi kesan langsung

kepada ekonomi, sosial dan industri di Malaysia. Melalui Rang Undang-Undang ini, Kerajaan yakin bahawa kesan pasca Covid-19 kepada rakyat dalam pelbagai aspek kehidupan dapat ditangani dengan berkesan dan efisien.

6. Secara umumnya, Rang Undang-Undang ini mengandungi peruntukan mengubahsuai peruntukan di bawah Akta-Akta tertentu yang membatasi usaha-usaha memulihkan ekonomi serta membantu rakyat semasa pasca Covid-19. Pada Ketika ini, draf Rang Undang-Undang ini telah diedarkan untuk ulasan Kementerian/Jabatan dan dijangka akan dibentangkan di Mesyuarat Kabinet pada 8 Julai 2020 sebelum dibentangkan di Dewan Rakyat pada bulan Julai 2020 ini.

Pembaharuan Undang-Undang

7. Kerajaan terus komited untuk meneruskan pelaksanaan dasar perundangan sedia ada demi memastikan sistem pentadbiran keadilan yang stabil dan efektif. Dalam hal ini, pindaan kepada Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah akan dilaksanakan yang memasukkan peruntukan untuk *anti-stalking* dan *harrasment* di samping semakan terhadap Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711] dan penggubalan Akta Kebebasan Maklumat dengan mengambil kira pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi 1972.

8. Selain itu, kajian pemansuhan dan pembaharuan undang-undang melibatkan undang-undang yang dianggap “lapuk” akan diteruskan demi kemaslahatan rakyat. Antara undang-undang tersebut ialah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) Tahun 2012 (SOSMA), Akta Pencegahan Jenayah (Pindaan dan Pemerluasan) Tahun 2014 (POCA) dan Akta Pencegahan Keganasan Tahun 2015 (POTA). Kajian pemansuhan hukuman gantian terhadap hukuman mati mandatori akan turut dimuktamadkan untuk pembentangan selanjutnya kepada Jemaah Menteri.

9. Pelaksanaan pembaharuan dan reformasi perundangan negara menuntut komitmen yang berterusan, penelitian langsung terhadap undang-undang sedia ada, kajian terperinci serta membabitkan kerjasama semua pihak berkepentingan. Pelbagai faktor perlu diambil kira dalam proses penggubalan, pindaan dan pemansuhan sesuatu undang-undang yang sememangnya rumit dan memerlukan kesabaran serta tempoh masa yang agak panjang.

10. Bagi membantu usaha Kerajaan untuk menambahbaik sistem perundangan negara khususnya dalam merangka undang-undang baharu serta menambahbaik undang-undang sedia ada, Kerajaan akan meneliti cadangan penubuhan Suruhanjaya Undang-Undang Malaysia.

Suruhanjaya ini akan mengkaji dan mengesyorkan pembaharuan undang-undang negara melalui sesi konsultasi dan libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk peringkat akar umbi. Matlamat Suruhanjaya ini nantinya adalah bagi memastikan sesuatu undang-undang yang akan digubal bersifat holistik, mengambil kira kepentingan semua pihak, jelas dan telus.

Perkara Berkaitan Hak Asasi Manusia

11. Pada Tahun 2020 ini juga, Kerajaan akan terus komited serta memandang serius isu-isu yang berkaitan Hak Asasi Manusia di Malaysia. Antara langkah yang diteruskan Kerajaan ialah Laporan Tahunan SUHAKAM akan terus dibahas dan diperdebatkan di Parlimen. Pelbagai inisiatif berbentuk sesi libat urus, konsultasi, bengkel dan persidangan akan diteruskan semasa pasca Covid-19 ke arah penyediaan Pelan Tindakan Nasional Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (*National Action Plan on Business and Human Rights* atau *NAPBHR*) melalui kolaborasi dengan pihak SUHAKAM, *United Nations Development Programme* (UNDP), kementerian-kementerian, wakil syarikat perniagaan dan juga masyarakat madani. Pelan ini adalah bukti iltizam dan komitmen Malaysia di mata dunia untuk memastikan

semua syarikat perniagaan yang beroperasi di negara ini mendokong hak asasi manusia demi kesejahteraan sejagat.

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sekalian,

Projek Pembangunan - Projek Menaik Taraf dan Pemuliharaan Bangunan-Bangunan Mahkamah

12. Fokus kerajaan masa kini adalah memastikan pelan pemulihan pasca Covid-19 untuk jangka pendek, sederhana dan panjang benar-benar akan dapat memberikan kesan untuk menstabilkan serta mengukuhkan sosio-ekonomi negara. Sehubungan itu, Kerajaan sedang berusaha untuk merencanakan lagi aktiviti ekonomi dalam negara melalui pelaksanaan segera inisiatif-inisiatif baharu di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Mac 2020 dan juga pelaksanaan projek-projek pembangunan yang telah diluluskan bagi tahun 2020.

13. Di bawah BHEUU, di antara projek-projek pembangunan yang dilihat boleh memberikan faedah kepada ekonomi ialah melalui pelaksanaan projek-projek pembinaan mahkamah baru diseluruh negara dan juga projek-projek menaik taraf dan pemuliharaan bangunan-bangunan mahkamah melibatkan 120 buah mahkamah di seluruh

negara yang telah diluluskan pada tahun ini dengan peruntukan sebanyak RM120 juta.

14. Projek ini dilihat mempunyai kesan positif yang berganda kerana akan membantu meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan mahkamah, memberi manfaat kepada kontraktor kelas G1 hingga kelas G4 di semua negeri dan juga membantu mengekalkan pekerjaan bagi pekerja-pekerja di sektor pembinaan. Sehubungan itu, saya berharap agar BHEUU dan PKPMP memastikan projek ini dapat dilaksanakan dengan dengan segera.

Pelaksanaan Projek-Projek Pembangunan Di Bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

15. Kerajaan kini dalam peringkat terakhir merangka RMKe-12. Susulan daripada wabak COVID-19, kita sedang berhadapan dengan perubahan radikal dalam setiap perkara terutamanya dalam sektor ekonomi dan perubahan ini juga mempengaruhi pertimbangan Kerajaan untuk menentukan keutamaan dalam pemilihan projek pembangunan di bawah RMKe-12.

16. Saya mengambil maklum bahawa BHEUU dan PKPMP telah mempunyai senarai keutamaan pembangunan mahkamah yang ingin

dilaksanakan dalam tempoh RMKe-12 yang melibatkan 23 cadangan pembangunan fizikal mahkamah. Sehubungan itu, saya berharap perancangan pembangunan bagi RMKe-12 ini juga perlu melihat kepada perubahan pasca Covid-19. Cadangan pembangunan hendaklah fokus kepada keperluan di kawasan yang paling mendesak dahulu kerana Kerajaan perlu memastikan peruntukan yang ada dimaksimakan sebaik mungkin melalui pelaksanaan projek pembangunan yang benar-benar memberi impak *value for money* kepada kerajaan.

Lawatan Turun Padang Saya

17. Selepas dari tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKP B) dan apabila kelonggaran syarat merentas negeri telah diumumkan oleh Kerajaan, baru-baru ini saya telah memulakan lawatan turun padang ke Sik, Kedah pada 7Jun 2020 diikuti dengan lawatan ke Bachok dan Kota Bharu, Kelantan serta Setiu, Terengganu pada 21 Jun hingga 22 Jun lepas bagi memantau tahap kebajikan kakitangan dan pejabat mahkamah di peringkat negeri dan daerah-daerah tersebut.

18. Bagi saya, lawatan turun padang itu merupakan satu mekanisme yang terbaik bagi saya melihat sendiri dan memahami sebarang permasalahan atau isu-isu yang menyentuh kebajikan kakitangan-

kakitangan mahkamah dan perkara yang boleh menjejaskan penyampaian perkhidmatan jabatan. Susulan daripada lawatan-lawatan tersebut, saya telah membuat keputusan-keputusan bagi membantu menyelesaikan sebarang permasalahan atau isu-isu yang berlaku di mahkamah.

19. Selepas ini saya bercadang akan terus mengadakan lawatan turun padang ke semua pejabat di peringkat negeri dan daerah bagi jabatan-jabatan yang berada di bawah Kluster Kehakiman Dan Perundangan. Sehubungan itu, diharapkan semua Ketua Jabatan dapat menyenaraikan isu-isu utama yang ingin dibawa untuk perhatian saya bagi saya bersama-sama YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan untuk menyelesaikannya sebaik yang mungkin.

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sekalian,

Peranan Sektor Perundangan Dalam Menangani Wabak Covid-19

20. Agensi-agensi di bawah portfolio saya juga masing-masing mempunyai peranan penting dalam menangani wabak Covid-19 ini. Sebagai langkah awal, Prosedur Operasi Standard (SOP) Sektor Perkhidmatan Berkaitan Guaman telah dikeluarkan ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) agar selaras dengan dasar

Kerajaan dalam menangani kebolehhajkitan wabak Covid-19. Langkah-langkah pencegahan dalam perkhidmatan guaman telah disesuaikan dengan norma baharu bagi menjamin keselamatan orang awam dan semua pihak.

21. Begitu juga dengan Badan Kehakiman setelah pengumuman mahkamah telah beroperasi mulai 13 Mei 2020 lalu, garis panduan dan SOP pencegahan wabak Covid-19 di mahkamah telah dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) sebagai langkah keselamatan kepada orang awam dan memastikan mahkamah dapat beroperasi dengan lancar. Pendengaran kes secara dalam talian melalui medium komunikasi elektronik juga telah mula dilaksanakan bagi mengelakkan kehadiran secara fizikal yang ramai di mahkamah.

22. Mulai 26 Mac 2020, Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) turut dijadikan sebagai Stesyen Kuarantin yang menempatkan Pesakit Dalam Siasatan (PUI) dan Pesakit Dalam Pemantauan (PUS) di bawah pengurusan pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat selaras dengan Warta 110 Stesyen Kuarantin. Sebanyak 94 bilik asrama ILKAP telah disediakan bagi menerima kemasukan PUI dan PUS yang terdiri daripada kluster tabligh, warga asing dan petugas kesihatan. Pada 11

Jun 2020, semua PUI dan PUS telah keluar daripada Stesyen Kuarantin ILKAP, namun ILKAP sentiasa bersedia sekiranya terdapat kemasukan PUI dan PUS yang baharu.

23. Lembaga Penasihat (LP), Jabatan Perdana Menteri telah mengambil inisiatif untuk menanggungkan semua pendengaran Representasi Orang Tahanan yang ditahan di pusat pemulihan akhlak di penjara seluruh negara di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, Akta Pencegahan Jenayah 1959 dan Akta Pencegahan Keganasan 2015 sebagai langkah mengekang penularan wabak COVID-19 di kalangan Orang Tahanan di dalam penjara.

24. Lembaga Penasihat juga telah memohon perkenan ke bawah Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong bagi melanjutkan tempoh pendengaran Representasi Orang Tahanan di bawah Peruntukan 151 (b) (1) untuk Representasi Orang Tahanan dapat di dengar selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berakhir. Beberapa pendengaran Representasi yang melibatkan Orang Tahanan warga asing yang ditempatkan di Pusat Pemulihan Khas Bentong, Pahang dan Pusat Pemulihan Khas Bintulu, Sarawak yang mana tempoh pendengaran

mereka tidak dapat dibuat dengan mengadakannya secara video *conferencing* kerana keterbatasan teknologi.

25. Pusat Timbangtara Antarabangsa Asia (*Asian International Arbitration Centre - AIAC*) yang berfungsi sebagai penyedia perkhidmatan Penyelesaian Pertikaian Alternatif (*Alternative Dispute Resolution - ADR*) di rantau Asia telah melancarkan *The ADR Online: An AIAC Webinar Series* yang merupakan siri webinar atas talian bermula pada awal Mac tahun ini. Kira-kira 7,000 peserta dari seluruh dunia telah mengambil bahagian melalui aplikasi Zoom serta lebih 25,000 peserta di platform facebook AIAC. Inisiatif ini telah mendapat banyak maklumbalas positif daripada para hakim, peguam dan orang ramai. AIAC juga telah mengadakan sesi webinar dan latihan secara online kepada institusi timbangtara antarabangsa termasuk di Afganistan, Maldives, Sri Langka dan institusi perniagaan asing yang berpusat di Malaysia seperti *Malaysian Dutch Business Council (MDBC)*, *Malaysia-German Chamber of Commerce*, *American Malaysian Chamber of Commerce (AMCHAM)* dan *Malaysia-Australia Business Council*. Kini, AIAC turut menawarkan platform atas talian (*virtual hearing*) untuk perbicaraan berkaitan ADR.

26. Bagi menyokong usaha Kerajaan dan mengambil kira kesulitan rakyat termasuklah bankrap, Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdi) telah mengambil langkah memberi penangguhan bayaran ansuran bulanan di bawah Akta Insolvensi 1967 [Akta 360] bagi tempoh enam bulan bermula 1 April 2020 sehingga 30 September 2020. Mdi telah bekerjasama dengan pihak bank bagi memudahcara bankrap membuka akaun bagi tujuan permohonan bankrap kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), I-Lestari dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi urusan permohonan Bantuan PRIHATIN Nasional.

27. Jabatan Bantuan Guaman (JBG) sebagai agensi yang menawarkan bantuan guaman kepada mereka yang kurang berkemampuan kini beroperasi sepenuhnya termasuklah 22 cawangan JBG di seluruh negara. Bagi memudahkan orang ramai berurusan, operasi kaunter perkhidmatan JBG sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKP P) dibuka setiap hari melalui temujanji. Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) yang menyediakan khidmat nasihat dan bantuan guaman dalam kes jenayah termasuk jenayah syariah pada peringkat tangkapan, reman, pertuduhan, jaminan dan perbicaraan secara percuma kepada semua warganegara Malaysia. Sehingga 16 Jun 2020, seramai 2,930 orang peguam telah berdaftar sebagai peguam panel YBGK. Untuk maklumat perkhidmatannya pula

pada bulan Januari 2020 sehingga bulan Mei 2020 sahaja sebanyak 79,998 kes jenayah pra perbicaraan dan perbicaraan telah diwakili oleh peguam daripada YBGK untuk seluruh negara.

28. Selaras dengan arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) telah memperkenalkan beberapa garis panduan bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kehakiman dan akses kepada keadilan iaitu:

- a) Panduan Pengendalian Kes-Kes di Mahkamah Seluruh Malaysia Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967;
- b) Tatacara Operasi Standard Badan Kehakiman Sepanjang Pandemik/Wabak Covid-19;
- c) Prosedur Pengendalian Mediasi;
- d) Prosedur Pengendalian Persidangan Mahkamah Secara Sidang Video bagi Mahkamah Sabah & Sarawak Untuk Pemegang-Pemegang Taruh (Stakeholders); dan
- e) Arahan Penggiliran Bekerja dari Rumah dan Pejabat juga diamalkan tanpa menjejaskan operasi Mahkamah.

Seterusnya PKPMP telah melaksanakan polisi-polisi yang diputuskan oleh Badan Kehakiman Malaysia semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 iaitu:

i. Pendengaran Kes Secara Dalam Talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan 2020

Bagi memastikan akses kepada keadilan (*access to justice*) semasa tempoh lanjutan Perintah Kawalan Pergerakan tersebut, Badan Kehakiman Malaysia telah memperkenalkan Pendengaran Kes Secara Dalam Talian. Pihak-pihak boleh memohon kepada Mahkamah yang berkenaan untuk pendengaran kes sivil secara dalam talian (*online hearing*) dengan menggunakan sistem *e-Review*, pertukaran e-mel atau sidang video atas syarat-syarat berikut:

- a) Dengan persetujuan pihak-pihak; dan
- b) Kebenaran permohonan ini adalah tertakluk kepada budi bicara Mahkamah.

ii. Tayangan Langsung (*live streaming*) Pendengaran Kes Secara Dalam Talian

Pelaksanaan projek perintis tayangan langsung pendengaran kes secara dalam talian bagi membolehkan orang awam untuk melihat secara langsung pendengaran kes yang dijalankan seperti di Mahkamah Terbuka. Buat pertama kalinya Badan Kehakiman Malaysia

mengadakan tayangan langsung pendengaran kes di Mahkamah Rayuan secara dalam talian pada 23 April 2020 yang disiarkan melalui portal rasmi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia dan platform Youtube *The Malaysian Judiciary*.

iii. Pengenalan Sistem Pengesanan Pelawat Mahkamah

Sistem yang dibangunkan secara *in-house* ini diperkenalkan pada 1 Jun 2020 untuk merekod kemasukan pelawat bagi mengesan kontak dan mencegah penularan pandemik Covid-19 dalam kalangan para peguam dan pelawat yang berurusan di premis Mahkamah di seluruh Malaysia. Sehingga 25 Jun 2020 seramai 127,040 orang pelawat yang telah menggunakan sistem ini.

iv. Persidangan Kes Mahkamah Persekutuan Malaysia Menggunakan Sistem e-Appellate

E-Appellate merujuk kepada prosiding pendengaran kes tanpa kertas di mana para hakim dan para peguam akan merujuk dokumen perbicaraan dalam format salinan lembut (*soft copy*) melalui peranti mudah alih. Buat julung kalinya pada 9 Jun 2020, Mahkamah Persekutuan Malaysia yang bersidang di Putrajaya mengadakan persidangan kes jenayah secara e-Appellate. Persidangan secara e-Appellate telah dilaksanakan di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan yang bersidang di

Sabah dan Sarawak bermula pada bulan Januari 2020 yang lalu. Bagi Mahkamah Tinggi Malaya, kajian sedang dilakukan untuk melaksanakan sistem seperti e-Appellate pada tahun 2021.

v. Perbicaraan Kes Secara Sidang Video Bagi Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak

Perbicaraan sidang video ini terpakai untuk pendengaran rayuan dan permohonan bagi kes-kes sivil dan jenayah Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak menggunakan perisian Skype /Skype for Business dan Zoom atau sebarang perisian yang ditentukan oleh Mahkamah. Perbicaraan sidang video bagi kes sivil dan jenayah dikendalikan di tempat yang berikut:

- a) Panel Persidangan akan bersidang di Istana Kehakiman, Putrajaya;
- b) Peguam akan mengendalikan kes di Mahkamah di Sabah dan Sarawak yang ditentukan oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan / Mahkamah Rayuan Putrajaya;
- c) Bagi kes jenayah, banduan akan dibawa ke Mahkamah yang terletak berhampiran dengan lokasi penjara di mana banduan tersebut ditempatkan. Timbalan Pendakwa Raya dan Peguambela hendaklah hadir dan mengendalikan kes di mahkamah yang berkenaan; dan
- d) Bagi kes sivil, peguam boleh mengendalikan kes di pejabat peguam dengan kebenaran Panel Persidangan.

29. Pendengaran kes bagi Mahkamah Rayuan di negeri Sabah telah bermula pada 15 Jun 2020 dan di negeri Sarawak pada 22 Jun 2020. Pendengaran kes bagi Mahkamah Persekutuan pula akan bermula 6 Julai 2020 di negeri Sabah dan 10 Ogos 2020 di negeri Sarawak.

30. PKPMP turut mengamalkan norma baharu dalam Majlis Mengangkat Sumpah Jawatan dan Taat Setia Hakim Mahkamah Tinggi yang telah diadakan pada 25 Mac 2020 di Istana Kehakiman yang melibatkan seramai 7 orang Pesuruhjaya Kehakiman. Majlis tersebut diadakan secara tertutup yang hanya dihadiri oleh Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Malaya, Hakim Besar Sabah dan Sarawak serta hakim-hakim dilantik bersama pasangan masing-masing.

31. Seterusnya, PKPMP juga telah memperluas sistem pembayaran jamin secara dalam talian iaitu e-Jamin ke seluruh negara semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Latihan penggunaan sistem kepada pegawai dan kakitangan Mahkamah yang terlibat telah diadakan secara sidang video. Perluasan e-Jamin di semenanjung telah disempurnakan pada 5 Mei 2020 manakala di Sabah dan Sarawak pada 22 Jun 2020. Setakat 26 Jun 2020, jumlah kutipan wang jamin melalui sistem ini

adalah berjumlah RM10,001,282.00 (Sepuluh juta seribu dua ratus lapan puluh dua ringgit).

32. Berdasarkan takwim persidangan Dewan Rakyat, Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga yang akan berlangsung selama 25 hari yang akan bermula pada 13 Julai hingga 27 Ogos ini bakal melibatkan Usul Menjunjung Kasih dan Perbahasan Titah Diraja, Rang Undang-Undang dan urusan kerajaan yang lain serta Pembentangan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sekalian,

Merakytakan Undang-Undang/Akta

33. Dalam kita berusaha menuju untuk menjadi sebuah negara maju, adil, makmur dan sejahtera, aspirasi rakyat hendaklah dipenuhi, salah satunya adalah berkaitan perundangan negara. Kita semua hendaklah memberitahu seluruh rakyat bahawa sesuatu undang-undang/akta yang ingin digubal, dipinda, dimansuhkan dan dikuatkuasakan hendaklah disampaikan/dipromosikan melalui pelbagai cara, misalnya melalui pameran/ekspo, program-program langsung bersama rakyat dan jabatan, hebahan dimedia massa seperti media elektronik dan media cetak misalnya diperbanyakkan lagi bersiaran langsung para pegawai di bawah kluster saya di television dan radio serta di program-program

kemasyarakatan. Saya bercadang perkara ini akan dilaksanakan mulai tahun ini dan di tahun-tahun seterusnya, insyaAllah kita akan jayakannya secara bersama.

Penutup

34. Walaupun kita masih belum pulih sepenuhnya daripada ancaman wabak Covid-19, namun marilah kita semua bekerja keras dengan lebih gigih lagi agar semua yang kita rancang pada tahun 2020 dan tahun-tahun seterusnya dapat kita laksanakan dengan jayanya. Harapan saya selaku Menteri di JPM bagi Parlimen dan Undang-undang agar kita semua terus menanam azam dan semangat yang tinggi untuk menjayakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan kepada kita semua dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Wabillahi Taufiq Walhidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.